

08 DEC 1998  
LEAD Mahkamah-Anwar  
SAYA MENGAKU DILIWAT PADA PM, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini beliau mengaku kepada Perdana Menteri bahawa adalah benar beliau telah diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata pengakuan itu dibuat dalam satu-satunya pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama lebih sejam di kediaman Perdana Menteri pada 24 Ogos 1998.

"Saya mengaku kepada Perdana Menteri bahawa apa yang terkandung dalam pengakuan bersumpah saya adalah benar," katanya.

Azizan, bekas pemandu isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, berkata demikian pada perbincangan terhadap Anwar, bekas timbalan Perdana Menteri dan juga bekas menteri kewangan yang menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar, 51, didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Azizan merupakan saksi pendakwa ke-12 dan memberi keterangan pada hari kelima yang kini di peringkat soal balas peguam Anwar.

Ketika disoal peguam Gurbachan Singh, Azizan berkata pertemuan yang dibuat atas permintaan Perdana Menteri itu berjalan tanpa kehadiran sesiapa termasuk Pengarah Cawangan Khas Datuk Yusof Abdul Rahman, yang membawanya ke sana, dan Ummi Hafilda Ali, adik bekas setiausaha peribadi Anwar Mohamed Azmin Ali.

Ummi Hafilda merupakan penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri. Pengakuan bersumpah Azizan itu disertakan bersama surat berkenaan.

Semasa ditanya sama ada Perdana Menteri memberi jaminan perlindungan keselamatan kepadanya, Azizan berkata: "Perdana Menteri ada menyatakan sekiranya keselamatan saya diganggu, saya disuruh menghubungi balai polis yang terdekat".

Gurbachan: Tetapi setuju atau tidak bahawa selepas perjumpaan kamu dengan PM, kamu tidak membuat laporan polis bahawa keselamatan kamu diganggu.

Azizan: Ya, betul. Selepas pertemuan itu saya tidak membuat laporan polis berkenaan keselamatan saya diganggu tetapi rumah saya dan tempat kerja saya sentiasa diawasi polis.

Gurbachan: Itu saja nasihat PM kepada kamu?

Azizan: Perdana Menteri ada menyatakan bahawa beliau akan menyuruh pihak polis untuk menyiasat kes ini dengan lebih mendalam dan menasihatkan saya agar lebih berhati-hati.

Azizan berkata beliau tidak memberitahu Perdana Menteri mengenai surat akuan berkanun yang ditandatangani berkaitan penafian semua perkara yang berkenaan dirinya termasuk kejadian liwat yang terkandung dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Semasa ditanya sama ada Ummi Hafilda memberitahunya yang dia juga dipanggil Perdana Menteri, Azizan berkata: "Ummi tidak memberitahu saya sama ada beliau dipanggil untuk berjumpa PM."

Gurbachan: Adakah selepas prosiding mahkamah ini semalam, kamu bersama Ummi pergi berjumpa Perdana Menteri di pejabatnya?

Azizan: Saya tidak setuju bahawa semalam selepas perbincangan ini, saya dan Ummi pergi ke pejabat PM kerana saya terus pulang ke rumah.

Azizan juga memberitahu mahkamah bahawa bawabahaya kamalangan jalan raya yang mengorbankan isteri dan anak dalam kandungannya awal tahun ini hanya satu kemalangan biasa.

Katanya beliau tidak mengesyaki kemalangan dan kematian isteri serta anak yang belum dilahirkan itu sebagai satu perbuatan sengaja ataupun membabitkan Anwar.

Gurbachan: Setuju atau tidak bahawa kandungan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" ada menyebut mengenai kemalangan itu? Dan walaupun isteri kamu telah meninggal dunia dalam satu kemalangan, sebahagian buku 50 Dalil membuat sindiran yang Anwar terlibat dalam pembunuhan isteri kamu?

Sebelum Azizan menjawab, Hakim ingin tahu sama ada dia ada membaca buku itu, dan Azizan menjawab: Saya tidak membaca atau melihat buku itu.

Semasa ditanya Gurbachan sama ada beliau mencadangkan kepada sesiapa bahawa Anwar terlibat dalam kemalangan itu, Azizan berkata beliau tidak cadangkan kepada sesiapa yang Anwar ada kena-mena dengan kemalangan itu. Ia hanyalah satu kemalangan jalan raya yang biasa.

Gurbachan: Adakah polis tanya sama ada kemalangan itu ada kaitan dengan surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri?

Azizan: Polis tidak tanya saya sama ada kemalangan itu ada kaitan dengan surat itu, tetapi saya ada memberitahu polis bahawa laporan kemalangan itu boleh didapati di balai polis Rawang. Polis hanya tanya saya bagaimana kemalangan itu berlaku.

Sambil menunjukkan salinan laporan kemalangan itu dan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Jadi PM, Gurbachan meminta Azizan membaca muka surat 81 hingga muka surat 87 buku itu.

Muka surat 86, para akhir: "Pada 31 Januari 1998, pada hari kedua Aidil Fitri, Azizan yang memandu kereta dan isteri yang mengandung enam bulan dan dua anak "telah dilanggar" oleh sebuah kereta lain yang tidak dikenali dan akhirnya isteri dan anak dalam kandungan yang belum lahir meninggal manakala Azizan dan dua anak selamat."

Muka surat 86, para lain: "Dua minggu sebelum itu (pertengahan Ramadan) pintu rumah Ummi (Hafilda Ali, penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri) telah disimbah dengan darah dan selepas disiasat oleh Jabatan Kimia, disahkan ia darah anjing dan laporan polis telah dibuat."

Kepada satu soalan lain, Azizan berkata beliau menandatangani surat akuan berkanun yang menafikan semua perkara berkaitan dirinya termasuk kejadian liwat dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" kerana takut dan terpaksa.

Katanya sebelum itu beliau beberapa kali dihubungi oleh dua lelaki Rahim King (Abdul Rahim Dhalan) dan Ma'amin Latip, yang juga sering mengekorinya, kerana mahu beliau membuat surat pengakuan bersumpah menafikan kandungan buku berkenaan.

Mengenai pertemuannya dengan pesuruhjaya sumpah bresama sebagai seorang peguam yang disebutnya bernama Sukdev, Azizan berkata beliau tidak memberitahu Ngui bahawa apa-apa yang terkandung dalam surat itu sebagai tidak benar kerana pesuruhjaya sumpah itu banyak bertanya kepada peguam Sukdev.

Beliau berkata pesuruhjaya sumpah itu tidak bertanya apa-apa kepadanya sebelum beliau menandatangani surat berkenaan dan menolak cadangan peguam bahawa keterangannya itu tidak benar.

Terdahulu Azizan memberi keterangan bahawa beliau memberitahu Sukdev beliau tidak terlibat dalam menulis dan mengedarkan buku 50 Dalil.

Kepada satu soalan lain, Azizan berkata beliau merasakan telah terfitnah berhubung penerbitan dan pengedaran buku 50 Dalil.

"Saya tidak pasti bagaimana penerbitan dan pengedaran buku 50 Dalil itu memfitnah saya. Itu hanyalah jangkakan saya," katanya. terhadapnya.

Azizan berkata beliau menyatakan perasaan itu kepada Ma'amin Latip yang didakwanya orang suruhan Anwar yang sentiasa mengikut ke mana sahaja beliau pergi.

Beliau berkata, sebelum itu, beliau dimaklumkan bahawa orang suruhan Anwar yang dikenali sebagai Rahim King telah mengarahkan supaya Ma'amin "harus bersamanya setiap masa demi keselamatan".

Azizan menafikan cadangan Gurbachan bahawa tidak ada sesiapa yang menakutkannya untuk menandatangani surat akuan berkanun itu atau memberikan arahan-arahan kepada Sukdev untuk membuat surat berkenaan.

Beliau juga menolak cadangan Gurbachan bahawa surat akuan berkanun itu dibuatnya dengan rela hati.

Sebelum mahkamah berhenti bersidang pada pukul 4 petang, Gurbachan memaklumkan bahawa beliau akan menghabiskan sesi soal balas esok.

Sebelum itu, berhubung permohonan pihak pembela yang ingin menjalankan prosiding mencabar kebolehpercayaan Azizan, Paul mencadangkan supaya ianya dijalankan di akhir kes pendakwaan.

Beliau bagaimanapun mengarahkan pihak pembela dan pendakwa menyediakan hujah-hujah berhubung perkara itu.

Perbincaraan hari ini menarik minat orang awam yang kembali memenuhi kawasan perkarangan Mahkamah Tinggi yang terletak di Bangunan Sultan Abdul Samad itu.

Tinjauan yang dibuat mendapati kebanyakan mereka datang selepas mendengar atau membaca perkembangan kes itu semalam yang mengatakan Azizan telah menafikan yang beliau diliwat Anwar.

Mereka ingin mengesahkan sendiri kebenaran berita itu dan ini menyebabkan ada di antara mereka yang tiba di mahkamah seawal pukul 1 pagi dengan membawa tikar untuk berbaring semata-mata kerana tidak mahu ketinggalan mengikuti perkembangan terbaru kes itu.

Sebaik sahaja perbincaraan kes itu selesai, para peguam Anwar dan pemberita yang baru keluar meninggalkan bilik mahkamah menjadi sasaran orang awam yang ingin mengetahui apa yang baru terjadi.

Perbincaraan disambung 9 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD/SBB AHH RON